

## RENCANA

## MERAIKAN HARI WANITA ANTARABANGSA

Dalam siri khas sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa (IWD) yang bermula hari ini, BERITA HARIAN menampilkan beberapa isu yang sedang dihadapi wanita dalam pelbagai peranan di Singapura dan bagaimana, dengan cara tersendiri, beberapa individu sedang berusaha untuk menyahut cabaran ini.

► NUR HUMAIRA SAJAT  
nhumaira@sph.com.sg

GOLONGAN wanita Melayu/Islam telah mencatatkan kemajuan besar sepanjang tahun-tahun ini lebih-lebih lagi dari aspek pendidikan.

Malah, wanita Melayu/Islam dapat dilihat mewakili pelbagai bidang pekerjaan termasuk akademik, teknologi, dan guaman.

Namun, kedudukan wanita boleh diperbaiki lagi dan ia memerlukan usaha seluruh masyarakat untuk menepis stereotaip yang sering dikaitkan dengan kaum Hawa, menurut pemimpin masyarakat yang dihubungi *Berita Harian* (BH) baru-baru ini.

Memberi contoh pencapaian wanita dari segi pendidikan, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mendaki, Cik Zuraidah Abdullah, berkata terdapat lebih ramai wanita Melayu yang tamat pengajian universiti berbanding dengan lelaki Melayu.

Pendidikan, katanya, terus menjadikan satu "pembelahan utama" individu untuk berjaya dan wanita dilihat berkembang maju dalam alam pekerjaan sebagai karyawanan dalam pelbagai bidang.

"Wanita tidak lagi terikat dengan stereotaip duduk di rumah untuk komitmen menjaga keluarga. Sedang kita akui peranan penting yang dimainkan wanita dalam membina keluarga yang kukuh sebagai isteri dan ibu, tumpuan Singapura ke atas pendidikan dan meritokrasi telah memperkasa lebih ramai wanita untuk juga melakarkan perkembangan profesional dan kemajuan kerjaya mereka," kata Cik Zuraidah.

Presiden Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS), Cik Hazlina Abdul Halim, berkata bahawa walaupun Covid-19 telah

# Kaum Hawa jaya ukir kemajuan namun masih perlu tepis stereotaip

mendatangkan cabaran kepada wanita dalam masyarakat, ramai yang tampil ke depan dalam tempoh krisis.

Beliau bangga dengan daya tahan serta ketabahan golongan wanita.

Sementara itu, dalam pandemik ini, sebahagian besar pegawai parajaganan kesihatan di barisan hadapan merupakan wanita, sekaligus mencerminkan peranan penting yang dipikul mereka.

Berkongsi pencapaian lain, Cik Hazlina berkata wanita Muslim juga boleh dilihat cemerlang dalam arena antarabangsa, memberi inspirasi kepada lebih ramai wanita agar bercita-cita lebih tinggi.

Beliau memberi contoh Presiden Halimah Yacob yang disertakan dalam senarai 500 Muslim yang paling berpengaruh di dunia, serta Cik Shirin Abdul Hamid, yang dilantik sebagai ketua pegawai maklumat (CIO) dan pengarah jabatan teknologi maklumat (ITD) di Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berharap dapat melihat lebih ramai wanita "memecahkan siling kaca" ini dan mencapai lebih pada masa akan datang.

Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk memperbaiki kedudukan wanita dalam masyarakat.

Di samping peranan pemerintah dalam memperkenalkan dasar yang mempengaruhi kedudukan wanita contohnya pengaturan kerja fleksibel, Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kesihatan), Cik Rahayu Mahzam, berkata usaha menepis stereotaip yang terkait dengan wanita memerlukan usaha seluruh masyarakat.

Beliau berkata pendidikan ibu bapa di rumah juga menyumbang kepada pembentukan naratif wanita dalam masyarakat.

Contohnya, anak lelaki dan perempuan putul dilayan secara saksama, dan anak lelaki harus diajar bahwa mereka juga mempunyai tanggungjawab bersama untuk melaksanakan tugas di rumah.

Cik Hazlina, yang berkongsi pendapat serupa:

"Lagi cepat kita bergerak ke arah membiasakan kerjasama berdasarkan tanggungjawab bersama, lebih-lebih lagi yang domestik, lagi cepat generasi ini bergerak selangkah lebih dekat kepada menghapuskan stereotaip peranan jantina."

Cik Zuraidah menambah bahawa masyarakat memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang, dorongan dan sokongan saksama kepada perempuan dari kecil hingga meningkat dewasa.

Meluahkan harapannya, Cik Rahayu berkata selain melihat lebih ramai wanita langkah ke sektor yang semakin berkembang seperti teknologi, beliau mahu lihat lebih banyak sokongan untuk wanita yang ingin kembali ke tenaga kerja.

"Saya tentunya mahu melihat hubungan yang sibat antara lelaki dengan wanita, hubungan yang saling menghormati," tambahnya.

Cik Hazlina berkata sedang pandemik Covid-19 telah menyebabkan majikan untuk lebih selesa dengan pengaturan kerja fleksibel, cabarannya juga meningkat.

"Bagaimanapun, keadaan di tempat kerja perlu kondusif, malah diubah suai untuk penyepadan kerja-kehidupan yang lebih baik sebagai sebuah usaha untuk menggalakkan lebih ramai wanita untuk terus bekerja dan mempertimbangkan kembali ke tenaga kerja," katanya.

Menurut Ustaz Tamliikhah Khamsani, pengasas Islamic Value Meal dan penyaribebas, stereotaip masyarakat yang dikaitkan dengan golongan wanita memang sukar untuk diubah dalam sekilap mata namun mengikut ajaran Islam, kedudukan wanita setara dengan lelaki dan bukan di bawah. Malah, martabat wanita tinggi nilainya.

Penting, kata Ustaz Tamliikhah, untuk meraikan wanita kerana lahirnya seorang anak akan muka bumi ini juga dari rahim wanita.

"Sejak sebelum lahir, kita memerlukan doa dan harapan seorang ibu. Jadi secara logik akal kita perlu raikan kehadiran wanita dalam hidup kita sejak dari kecil lagi."

## PANDANGAN

## PEMIMPIN MASYARAKAT



"Lagi cepat kita bergerak ke arah membiasakan kerjasama berdasarkan tanggungjawab bersama, lebih-lebih lagi yang domestik, lagi cepat generasi ini bergerak selangkah lebih dekat kepada menghapuskan stereotaip peranan jantina."

– Cik Hazlina Abdul Halim, Presiden Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS) (kiri).

"Jika anda lihat di sekeliling dari segi perwakilan dalam bidang kerjaya berbeza-beza... kita lihat ramai doktor wanita dan peguam wanita dan ini satu loncatan besar... walaupun mungkin terdapat beberapa stereotaip yang masih ada, kita masih lihat ramai wanita yang berjaya dalam akademik, dalam teknologi."

– Cik Rahayu Mahzam, Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kesihatan) (tengah).

"Wanita tidak lagi terikat dengan stereotaip duduk di rumah untuk komitmen menjaga keluarga."

Sedang kita akui peranan penting yang dimainkan wanita dalam membina keluarga yang kukuh sebagai isteri dan ibu, tumpuan Singapura ke atas pendidikan dan meritokrasi telah memperkasa lebih ramai wanita untuk juga melakarkan perkembangan profesional dan kemajuan kerjaya mereka."

– Cik Zuraidah Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mendaki (kanan).

## SECEBIS KISAH KAUM HAWA HADAPI CABARAN KERJAYA DAN KELUARGA

## Jururawat terus gigih berkhidmat dan jadi ketua keluarga lepas suami kena strok



"Antara tempoh paling mencabar adalah semasa suami saya baru diserang strok dan apabila saya sedar keluarga saya bergantung sepenuhnya pada saya."

Lagi dengan anak-anak yang semuanya masih bersekolah pada masa itu, saya perlu menguruskan hal di rumah dan juga cuba untuk tak abaikan pendidikan mereka selepas habis bertugas."

– Cik Habibah Tamby, jururawat berdaftar kanan di wad pergantungan tinggi di ICU Hospital Tan Tock Seng.

► SITI AISYAH NORDIN  
naisyah@sph.com.sg

SEBAGAI seorang jururawat veteran di Unit Jagaan Rapi (ICU), Cik Habibah Tamby perlu mencekalkan diri setiap hari bagi menghadapi pelbagai kes pesakit serius dan kritisikal.

Kecekalan dan daya tahan diri yang telah dipupuk melalui pengalaman bekerja selama lebih 30 tahun itu ternyata turut memainkan peranan yang penting membantu beliau mengharungi liku-liku kehidupan.

"Antara tempoh paling mencabar adalah semasa suami saya baru diserang strok dan apabila saya sedar keluarga saya bergantung sepenuhnya pada saya."

"Lagi dengan anak-anak yang semuanya masih bersekolah pada masa itu, saya perlu menguruskan hal di rumah dan juga cuba untuk tak abaikan pendidikan mereka selepas habis bertugas," katanya.

Cik Habibah turut menjalani beberapa kursus untuk mempelajari kemahiran baru waktu itu, seperti kursus buat kek dan juga urut, dan mencari masa untuk menawarkan khidmat tersebut demi menambah pendapatan.

Meskipun perlu mengimbangi tugas di tempat kerja dan juga peranan berbeza di rumah sebagai isteri, ibu dan juga penjaga-milat Cik Habibah dalam bidang yang diceburinya itu mendorong beliau turus kekal berdedikasi dan komited dalam menjalankan tugasan dan menaikti tangga kerjaya.

Beliau kini bertugas sebagai jururawat berdaftar kanan di wad pergantungan tinggi di ICU Hospital Tan Tock Seng di mana beliau memantau keadaan pesakit yang memerlukan rawatan rapi di ICU.

"Ada kalanya bila ada terlalu banyak perkara yang berlaku di tempat kerja, me-

mang kita rasa tertekan dan pernah terlintas di fikiran saya untuk tukar kerjaya.

"Tapi, saya berpegang pada nasihat arwah ibu yang selalu mengingatkan saya untuk kekal positif dalam menghadapi cabaran dan supaya jangan lari dari masalah yang kita hadapi, itu yang mendorong saya untuk terus kekal dalam bidang ini," katanya.

Selain itu, pengalaman pahit manis bersama pesakit di wadnya turut menjadi pembakar semangat bagi Cik Habibah terus berkhidmat.

"Selain itu, kejadian yang tidak dapat belieu lupakan adalah apabila salah seorang pesakit di ICU yang lama tidak sedarkan diri, kembali ke wad untuk mencarinya selepas kejadian.

"Pesakit tersebut berada di ICU sekitar enam hingga sembilan bulan, dan ramai yang tak jangka beliau pulih dan dapat keluar hospital.

"Yang saya terkejut beliau kembali ke wad itu selepas pulih untuk mengucapkan terima kasih kepada saya dan rakan kerja lain. Melihat beliau yang sebelum ini sakit teruk dahadi sihat buat saya amat gembira dan bersyukur," ujarnya sambil menambah ini menunjukkan pesakit menghargai khidmat jururawat mereka.

Pengalamannya selama 34 tahun dalam bidang tersebut juga kini dimanfaatkan dalam melatih jururawat baru di wadnya.

Cik Habibah turut akui dengan keadaan sektor penjagaan kesihatan yang dirundung pandemik ini, ramai kakitangan sektor itu berasa tertekan dan ada yang ingin meninggalkan pekerjaan mereka.

"Memang kita perlu banyak bersabar bila bekerja dalam bidang ini, dan terus berfikir positif dalam hadapi cabaran harian di tempat kerja.

"Ada yang rasa tertekan dan ingin tinggalkan sektor ini, tapi sektor lain juga ada cabarannya tersendiri.

"Tapi saya beritahu mereka buat apa yang mereka rasa baik untuk diri mereka sendiri," katanya.